

29 JAN 2002

KABINET BELUM BINCANG MENTERI TANDATANGANI SURAT AKUJANJI

KUALA LUMPUR, 29 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau belum lagi mengemukakan cadangan supaya anggota Kabinet menandatangani surat akujanji dalam mesyuarat Kabinet.

Perdana Menteri berkata oleh demikian, tidak timbul persoalan sama ada Kabinet bersetuju atau tidak dengan cadangan itu.

"Sama ada Kabinet bersetuju atau tidak akan ditentukan dalam mesyuarat Kabinet akan datang," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa kebiasaannya pengumuman dibuat hanya setelah Kabinet membincangkan sesuatu.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan akhbar tempatan hari ini yang memetik beliau sebagai berkata bahawa Menteri-menteri akan diwajibkan membuat akujanji sebagai ikrar untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada kerajaan dan negara.

Laporan akhbar berkenaan memberikan gambaran seolah-olah anggota Kabinet tidak bersetuju untuk menandatangani surat akujanji itu, katanya.

-- BERNAMA

MFJ PR